

**SEMANGAT PATRIOTISME GENERASI MUDA MELALUI PROGRAM LATIHAN  
KHIDMAT NEGARA (PLKN)**

**MAHADI ABU HASSAN**

Paper Presented at the Prosiding Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial Dan Pembangunan Komuniti  
16 – 17 Mei 2005, Hotel Equatorial Bandar Hilir, Melaka

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

## **SEMANGAT PATRIOTISME GENERASI MUDA MELALUI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)**

Mahadi Abu Hassan  
(KUTKM)

### **Abstrak**

*Isu tentang patriotisme adalah amat penting di dalam kepekaan seluruh masyarakat menghayati nilai-nilai murni dalam membentuk keperibadian yang unggul. Tajuk yang dipilih ini akan membincangkan kepentingan Program Latihan Khidmat Negara ke arah semangat jatidiri yang cintakan tanahair. Salah satu objektif PLKN ialah untuk melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas serta penuh keyakinan diri dan membentuk perwatakan positif menerusi penerapan nilai-nilai murni, penghargaan kendiri, personaliti, kepimpinan. Semangat inilah yang perlu ada pada semua peringkat generasi di dalam mempertahankan kedaulatan negara, maruah, martabat, kemerdekaan dan bangsa Malaysia. Pembinaan generasi muda yang bertamadun dan berperibadi mulia memang tidak dapat dinafikan perlu bermula daripada memahami tentang sejarah bangsa dan tanah airnya. Ini bermakna bahawa kemajuan sesuatu masyarakat, bangsa dan negara adalah sangat perlu untuk memahami dengan mendalam akan sejarah perkembangan negaranya dalam berbagai-bagai aspek sama ada politik, ekonomi atau pun sosial.*

### **1.0 Pengenalan**

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah satu program pembinaan sahsiah diri bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana dilaksanakan ala Malaysia berteraskan tiga modul utama.

PLKN unik kerana dilaksanakan secara ala Malaysia bagi mencapai keperluan Negara. Ianya berbeza dengan pelaksanaan khidmat Negara di beberapa Negara lain yang bertujuan ketenteraan. Keunikan adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:

- Melibatkan semua kaum sama ada lelaki atau perempuan .
- Berteraskan rukun negara
- Mempunyai kurikulum *multi-discipline*
- Bukan bentuk kerahan tenaga atau *military conscripte*

Sejumlah 85,000 remaja yang dilahirkan pada 1986 dipilih secara rawak menjalani PLKN yang dibahagikan kepada tiga siri mulai 16 Februari yang lalu. Latihan tersebut yang diadakan untuk tempoh tiga bulan berakhir 10 Jun 2004. Ini membuktikan bahawa kerajaan begitu komited untuk membentuk generasi muda yang prihatin dan mempunyai jati diri yang tinggi.

Perancangan program yang menarik serta memenuhi objektif yang digariskan perlu diberi pujian. PLKN menyediakan latihan fizikal ala tentera, modul kenegaraan, modul pembinaan karakter serta khidmat komuniti, dengan harapan PLKN berjaya melahirkan rakyat Malaysia yang mampu berkhidmat dan berbakti kepada Negara. Selari dengan objektif asal perancangan program ini yang dapat dirujuk berdasarkan bukti fakta dan juga kenyataan-kenyataan pemimpin negara, tercetusnya PLKN secara amnya adalah untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai peribadi tinggi serta berkemampuan untuk menyumbang ke arah kegemilangan pembangunan negara.

Mungkin atas alasan itu, pemilihan peserta tidak hanya tertumpu kepada remaja lepasan SPM semata-mata malah remaja yang lahir pada tahun yang sama tetapi tidak menyambung pelajaran sehingga SPM juga turut diberi perhatian. Rata-rata pelatih PLKN menyatakan perasaan seronok serta berasakan program ini cukup bermanfaat bagi mereka. Apa yang lebih ketara ramai peserta berasa cukup berat untuk berpisah setelah hampir tiga bulan menempuh pelbagai pengalaman suka dan duka bersama. Malah progam ini dikatakan berjaya menanamkan semangat setia kawan tanpa mengira bangsa serta latar belakang.

Jika benar PLKN dianggap berjaya menerapkan semangat cintakan negara, serta mampu melahirkan generasi muda yang mempunyai jati diri yang tinggi. Ia juga haruslah turut menekankan aspek pembangunan rohaniah dan insaniah setiap peserta, yang mana aspek ini sering dikatakan kurang diberikan penekanan serius dalam program ini. Tidak dapat dinafikan slot-slot seperti ceramah dan bacaan surah *Yaasin* mingguan untuk setiap malam Jumaat turut ada dalam jadual program. Namun pembangunan insan dan rohani ini tidaklah tertakluk kepada program sebegitu sahaja.

## 1.1 Latar belakang

Di dalam mesyuarat pertama pada 12 November 2002, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga telah menerima pengunaan istilah Khidmat Negara bagi menggantikan istilah Kerahan Tenaga. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara (JKMKN) telah menubuhkan empat buah Jawatankuasa Kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Kewangan, Jawatankuasa Kurikulum, Jawatankuasa Undang-Undang dan Jawatankuasa Logistik bagi membantu jawatankuasa ini menyediakan perancangan dan menyelaraskan keperluan pelaksanaan Program Khidmat Negara (PKN). Kabinet pada 28 Mei 2003 telah meluluskan cadangan pelaksanaan Program Khidmat Negara dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Akta Latihan Khidmat Negara pada 25 Jun 2003 manakala Dewan Negara meluluskan Rang Undang-Undang ini pada 7 Julai 2003.

## 1.2 Konsep logo



### Program Latihan Khidmat Negara

- Konsep logo yang cuba ditonjolkan ialah api yang sedang membara melambangkan semangat patriotisme.
- Bentuk api dihasilkan dengan jalur merah melambangkan 3 suku kaum utama di Malaysia bersatu padu mempertahankan negara.
- Bentuk bulat berwarna biru menandakan perpaduan yang erat antara yang terjalin antara kaum.
- Bentuk bulan dan bintang pula melambangkan kedaulatan negara yang harus dipertahankan oleh semua pihak.
- Perkataan KHIDMAT NEGARA dibentuk mencakupi bentuk api tadi bagi melambangkan misi dan visi yang akan dilaksanakan.

### 1.3 Objektif

PKN akan dilaksanakan bagi mencapai objektif yang telah digariskan seperti berikut:

- Menanam semangat patriotisme di kalangan generasi muda atau remaja Malaysia.
- Memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional.
- Membentuk perwatakan positif (*character building*) menerusi nilai-nilai murni.

PKN diwujudkan oleh Kerajaan dengan harapan remaja kita tampil gagah, bersemangat dan berwawasan. Gejala samseng sudah tentu dapat dibendung dan dikawal. Atau mengapa tidak kita mencontohi Thailand yang mana kerajaan negara itu mengambil tindakan menghantar 60,000 pelajar menjalani latihan ketenteraan di kem tentera berikutan masalah disiplin yang serius. Mungkin ada yang berpendapat keputusan ini seolah-olah sebagai satu hukuman dan membebankan pelajar. Tetapi, jika ia demi kebaikan pelajar, tidak salah rasanya jika generasi muda ini diberi pendedahan sebegini. Sekurang-kurangnya mereka tahu betapa peritnya perajurit kita dahulu berjuang mempertahankan negara tercinta. Walaupun negara kini tidak lagi berhadapan dengan situasi peperangan seperti mana dahulu, tetapi semangat sayangkan negara inilah yang ingin disematkan ke dalam diri para remaja kita.

### 1.4 Pelaksanaan

Dalam melaksanakan Program Khidmat Negara ini, beberapa aspek penting telah diambil kira iaitu seperti:

- Jangka masa latihan selama tiga bulan secara berkhemah dan berasrama.
- Pelaksanaan pada 2004.
- Kemudahan infrastruktur latihan dan kemudahan asrama seperti di IPTA sedia ada.
- Implikasi kewangan.
- Menghadkan kesan ke atas sistem pembelajaran yang sedang berjalan.
- Guna tenaga dari segi kepakaran dan pengalaman.

## 2.0 Modul dan aktiviti

Terdapat empat modul PLKN iaitu Modul Fizikal, Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karaktor dan Modul Khidmat Komuniti.

### 2.1 Modul fizikal

Modul fizikal adalah sebuah modul yang dilaksanakan untuk membina kemahiran dan ketahanan mental, emosi, spiritual dan fizikal bagi menjadikan peserta PLKN sebagai warganegara yang berkesan. Secara khususnya, latihan-latihan yang dilalui dapat mengeratkan perpaduan di kalangan peserta, mempertingkatkan ketabahan mental bagi tujuan hidup (survival), daya kepimpinan, disiplin dalaman, keyakinan diri, kemahiran bekerja sebagai ahli satu pasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, membuat keputusan secara individu dan dalam kumpulan. Di samping itu, peserta akan dilatih oleh jurulatih untuk mempelajari melalui pengalaman dalam aktiviti-aktiviti seperti berkawad, kraf hutan, pertolongan cemas, membaca peta, kompas, latihan pandu arah, menyeberangi sungai, merempuh halangan, aktiviti menggunakan tali (litar tali tinggi dan rendah), merentas desa, seni mempertahankan diri, aktiviti air, kembara hutan dan lain-lain. Modul ini dilaksanakan selama empat minggu di dalam dan di persekitaran tapak perkhemahan.

## 2.2 Modul kenegaraan

Modul kenegaraan adalah sebuah modul yang diaplikasikan untuk memperluaskan pengetahuan tentang kenegaraan (*nation-building*) dan meningkatkan perasaan cinta serta pengorbanan peserta program kepada negara. Melalui latihan dalam kumpulan, jurulatih memimpin kumpulan untuk mempelajari tentang kenegaraan yang merangkumi tanah air, rakyat, kerajaan, kedaulatan dan cabaran-cabaran dalam dan luar negara. Melalui elemen Tanah Air, peserta akan dibantu membina serta memupuk rasa sayang kepada tanah air dan sanggup mempertahankannya. Peserta membincangkan mengenai negara dari segi aspek geografi, keindahan bumi ini, hasilnya, sempadan dan lain-lain. Peserta dapat mengetahui asal-usul pelbagai ras, etnik, membina rasa sayang sesama etnik dan antara etnik, memahami kepentingan bersatu-padu melalui aktiviti seperti menganalisis fakta tentang etnik, mengharmonikan perbezaan, memahami persamaan dan sebagainya melalui elemen Rakyat.

Elemen Kerajaan pula membantu peserta memahami bagaimana negara (tanah air, rakyat, kedaulatan) ini ditadbir dan diurus, melalui sistem pentadbiran, undang-undang, perlembagaan dan lain-lain. Peserta memahami kepentingan dan cara untuk mempertahankan kebebasan negara melalui elemen Kedaulatan. Cabaran dari dalam dan luar negara juga diperbincangkan supaya peserta menyedari peluang dan ancaman yang datang secara berterusan. Modul ini dilaksanakan selama tiga minggu dan pelbagai kaedah digunakan seperti lawatan, simulasi, lakonan, dinamik kumpulan, menonton gambar, melukis, berdebat, mentafsir peristiwa dan lain-lain.

## 2.3 Modul pembinaan karakter

Modul pembinaan karakter adalah sebuah modul yang dilaksanakan untuk membina karakter yang berkesan bagi para peserta yang merangkumi diri, keluarga, komuniti dan negara. Terdapat dua komponen yang akan dilalui peserta, pertama yang berfokus kepada pembinaan diri dan kedua adalah tentang diri dengan orang lain. Dalam komponen pertama, peserta melalui proses penerokaan diri sendiri, menyedari dan mengenal pasti ciri-ciri diri (seperti aspek kepimpinan), memperkayakan kekuatan dan memulihkan kelemahan diri. Peserta menyedari tentang penglibatan orang lain dalam kehidupan mereka, mengetahui kemahiran untuk bekerja sebagai ahli satu pasukan, cara bertindak sebagai pemimpin dalam kumpulan, dan mengatasi masalah di dalam kumpulan semasa melalui komponen kedua modul ini. Melalui aktiviti-aktiviti ceramah, permainan, latihan dan lain-lain, peserta belajar tentang kejujuran, membuat pilihan, bertanggungjawab, memimpin, menunaikan janji (komitmen) dan membina keyakinan diri. Modul ini dilaksanakan selama dua minggu dan peserta dipimpin oleh jurulatih.

## 2.4 Modul khidmat komuniti

Modul Khidmat Komuniti adalah sebuah modul yang dilaksanakan untuk mempertingkatkan semangat kesukarelaan di kalangan peserta. Peserta mempelajari melalui pengalaman di kawasan kejiranan, dalam kerja perkhidmatan sosial, alam sekitar dan kemudahan awam. Aktiviti sukarela yang dijalankan adalah seperti mengkaji keadaan di lokasi tema-tema tersebut, mengenal pasti masalah yang ada, memberi cadangan, membuat kerja pembaikan, pembersihan, penceraian, pengindahan dan lain-lain. Bagi tema kejiranan, perkhidmatan sukarela dilaksanakan untuk keluarga atau penduduk di kawasan perumahan, kampung, kampung baru, ladang, rumah panjang, rumah pangsa, kampung orang asli, FELDA dan lain-lain. Sumbangan kerja sukarela dalam perkhidmatan sosial meliputi aspek kesihatan, pendidikan, kebajikan, perumahan dan sebagainya dalam organisasi, institusi, pertubuhan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan. Bagi alam sekitar pula, peserta membantu memelihara alam sekitar termasuklah hutan, sungai, kawasan pertanian, penternakan, perindustrian, pantai dan sebagainya. Kerja sukarela juga dilakukan ke atas kemudahan awam yang disediakan seperti taman rekreasi, pasar, stesen bas, keretapi, perpustakaan, lif, taman permainan, tandas awam, pondok telefon, dewan orang ramai dan lain-lain. Modul ini dilaksanakan selama tiga minggu, dan setiap kumpulan peserta dipimpin oleh seorang jurulatih.

## 2.5 Peserta

Kelompok pertama peserta yang akan menjalani PKN ini adalah mereka yang lahir pada 1986 yang mana sedang berada di tingkatan lima pada 2003. Jumlah peserta yang disasarkan akan terlibat di dalam program ini pada tahun 2004 ialah 85,000 orang setahun daripada anggaran kira-kira 480,000 orang yang layak. Memandangkan hanya 85,000 orang sahaja yang akan dipilih untuk menjalani latihan Khidmat Negara ini, maka satu sistem pemilihan berkomputer diwujudkan.

## 3.0 Kesan positif PLKN

*Sejauh manakah PLKN menerapkan semangat patriotik dan nasionalisme dalam generasi muda?*

Tujuan utama PLKN ialah untuk memupuk semangat patriotisme dan semangat cintakan negara di kalangan generasi muda. Semangat patriotisme dapat diterapkan melalui modul kenegaraan yang dilaksanakan secara kuliah atau ceramah. Tajuk yang dibincangkan dalam modul kenegaraan ialah sejarah tanah air. Walaupun sejarah sudah dipelajari semasa di sekolah, pelajar mungkin mempelajarinya untuk tujuan peperiksaan saja. Dalam kem PLKN, pelatih dibawa menghayati sejarah tersebut. Mereka pelajari bagaimana pejuang –pejuang seperti Abdul Rahman Limpong, Dol Said, Dato' Maharaja Lela, Dato' Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah, Mat Salleh, Tok Janggut dan Rentap mempertahankan tanah air. Selain itu mereka pelajari bagaimana sebuah negara yang berlaku perpecahan di kalangan pemimpin dan penduduk juga campur tangan pihak luar mudah dijajah oleh negara lain. Selain itu pelatih juga diajar bagaimana tokoh – tokoh seperti Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan Thivi Singam berusaha ke arah kemerdekaan.

Seterusnya mereka juga pelajari tentang perkara yang dapat memelihara kedaulatan dan maruah Negara. Wira dan wirawati PLKN juga didedahkan tentang isu-isu Malaysia dan antarabangsa. Berikut dengan isu semasa terkini iaitu tsunami, ada pelatih PLKN yang dihantar ke Aceh untuk membantu mangsa di sana. Pelatih-pelatih juga didedahkan tentang pertahanan dan keselamatan negara. Mereka diberi kesedaran tentang pengorbanan dan tugas tentera dalam mempertahankan negara. Selain itu mereka disuruh menyanyi lagu *Negaraku* dan diajar menyanyi lagu patriotik lain. Pelatih juga menyanyi lagu Khidmat Negara yang dapat menaikkan semangat cintakan negara.

### 3.1 Mengeratkan integrasi dan perpaduan masyarakat berbilang kaum.

PLKN dapat mengeratkan perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Mengikut tinjauan Harian Metro(1 April 2004) di Kolej Kediaman Pertama Universiti Malaya (UM) yang menjalani Program Khidmat Negara Sehari Bersama Wartawan, mendapati bahawa peserta begitu rapat walaupun datang daripada latar belakang yang berbeza. Peserta PKN sentiasa digalakkan bercampur tanpa mengira kaum bagi mengerat hubungan sesama mereka. Setiap bilik dikatakan dihuni oleh kira-kira tiga orang yang berlainan bangsa. Oleh demikian ternyata PLKN dapat mewujudkan integrasi kaum.

Selain daripada rakan bilik yang berlainan bangsa semasa menjalani program ini, peserta biasanya dibahagikan kepada kumpulan untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang bercirikan kerja kumpulan. Kumpulan ini juga biasanya terdiri daripada berbilang kaum yang bekerjasama untuk memastikan kemenangan kumpulan mereka. Dalam program ini juga, terdapat acara dan pementasan kebudayaan. Ahli keluarga yang terdekat dibenarkan membawa pulang anak mereka pada hari berkenaan. Selain itu peserta di beri kemudahan untuk menjalankan ibadah seperti surau untuk peserta yang beragama Islam. Bagi peserta yang beragama lain, pula bas disediakan untuk ke kuil atau gereja yang berdekatan. Melihat kepada amalan dan budaya pelbagai kaum, maka wujud pemahaman antara peserta, sekali gus melahirkan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain. Sesungguhnya kita tidak mahu perpaduan di Malaysia nampak macam perpaduan tetapi tidak ada perpaduan sebenarnya.

### 3.2 Membentuk perwatakan positif di kalangan generasi muda menerusi penerapan nilai-nilai murni

Remaja adalah zaman peralihan antara baligh dengan dewasa melalui tiga peringkat iaitu awal pertengahan dan akhir remaja. Dalam melalui zaman peralihan, pelbagai cabaran dan risiko terpaksa dihadapi sebagai ujian bagi menentukan kejayaan dan kegagalan dalam mengemudi zaman yang serba mencabar ini. Sebilangan besar remaja gagal dalam menghadapi kehidupan remaja mereka. Hal ini dapat dilihat melalui paparan media yang menunjukkan pembabitan mereka dalam aktiviti tidak bermoral. Perubahan zaman, pengaruh budaya *rock* dan sebagainya dan kadang-kadang menjadi kumpulan-kumpulan yang fanatik dalam agama. Ini semua mempengaruhi semangat atau jiwa remaja. Orang muda tidak dapat memikirkan ini semua kerana mereka tidak dilatih untuk memikirkan perkara-perkara ini. Mereka juga kadang-kala dipengaruhi oleh media. Pengaruh media juga sangat kuat. Jadi dalam konteks Khidmat Negara, kalau ia disusun dengan baik dan bijak oleh pihak yang diberi kuasa, ia akan memberi kesan yang baik juga.

Majoriti remaja adalah terdiri daripada pelajar. Oleh itu, sekolah adalah elemen penting. Sebagai gedung ilmu yang penting, sekolah adalah pusat pembentukan sahsiah dan disiplin terunggul. Di sekolah, guru mempunyai tanggungjawab sepenuh masa memberi tarbiah dan pendidikan dari segenap aspek. Undang-undang di sekolah menjadi tempat terbaik mendidik anak mematuhi segala peraturan seperti menepati masa, bersopan santun, beretika, berpakaian sopan dan sebagainya. Walau bagaimanapun manusia tidak suka hidup dalam kongkongan, lebih-lebih lagi remaja yang menganggap diri mereka sudah cukup matang dan dewasa. Kita tidak boleh menyalahkan sekolah kerana ia terikat dengan pelbagai peraturan demi mendisiplinkan pelajar. Apabila pelajar keluar dari sekolah mereka mempunyai kebebasan dan disiplin mereka turut berubah. Pihak polis pula tidak mempunyai kuasa sebenar dalam menahan remaja yang disyaki cenderung kepada perbuatan tidak bermoral. Contohnya tabiat merokok dan budaya samseng yang menjadi perkara biasa di kalangan remaja.

Kecanggihan telekomunikasi menyebabkan sesuatu bahan negatif atau lucu, mudah diakses oleh remaja daripada *internet*. Banyak faktor yang mendorong kepada gejala sosial seperti melepak, menyalahgunakan dadah, merokok, melanggar undang-undang dan mudah terpengaruh dengan budaya samseng. Secara individu, perkara ini tidak mampu dikekang sedangkan keadaan semasa seolah-olah sedang membentuk satu masyarakat yang semakin tidak peduli menjaga anak sendiri apatah lagi anak orang lain. Berapa ramai antara kita yang secara berani menegur pelajar yang tidak bermoral di luar sekolah? Mungkin kita akan berfikiran siapa kita untuk menegur mereka dan apabila anak kita sendiri terbabit dalam kegiatan seperti itu.

Bagi kepentingan masa depan agama, bangsa dan negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Masyarakat memperkenalkan Dasar Sosial Negara bagi menentukan arah tuju yang terbimbing dalam menentukan budaya bangsa kita tetap terpelihara daripada pelbagai cabaran. Walau bagaimanapun, dasar ini berhadapan dengan pelbagai masalah, sama ada ia mampu dilaksanakan atau sekadar menjadi satu dasar yang tiada pemantauan dan tidak dapat direalisasikan pada masa depan. Justeru, sebagai perancangan jangka panjang, PKN merupakan satu usaha yang tepat dalam membentuk sahsiah remaja walaupun golongan tertentu iaitu pelajar yang menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia. (SPM).

### 3.3 Melahirkan generasi muda yang cerdas, cergas serta penuh keyakinan diri

Pelatih akan menjadi cergas dalam aspek fizikal dan cerdas dalam aspek mental serta rohani. Latihan dan aktiviti seperti kraf hutan, *flying fox*, *jungle trekking*, berenang dalam sungai, kawad kaki, latihan pandu arah, baca kompas dan asas pertahanan diri, diadakan supaya pelatih berkebolehan untuk mempertahankan diri dalam keadaan kecemasan dan juga dalam keadaan yang teruk. Mereka akan berjiwa kental dalam menghadapi cabaran. Hal ini kerana modul fizikal yang dijalankan memerlukan semangat yang tinggi untuk dijalani. Oleh itu selepas tamat program ini mereka sanggup menghadapi

apa jua cabaran. Pelatih juga dapat menimba pengalaman dan ilmu pengetahuan melalui program ini sebelum mereka menerjunkan diri ke dalam realiti kehidupan yang sebenar serta mendapat pelbagai pendedahan dan pengalaman untuk menjadi seorang manusia yang berjiwa besar dan matang.

Selain itu, pelatih dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan anggota masyarakat apabila mereka melakukan aktiviti serta memberikan perkhidmatan sosialnya kelak. Pelatih juga dapat belajar berdisiplin dan dapat membina keyakinan diri apabila telah menembusi semua cabaran dan kesusahan. Program ini dapat membentuk jati diri yang positif pada golongan pelajar dan memberikan mereka keyakinan untuk menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab. Di samping itu mereka juga lebih berdikari kerana terpaksa tempuh segalanya sendiri. Para pelatih turut dilatih dengan pelbagai aspek kepimpinan dan kemahiran hidup untuk menjadi pemimpin negara dan masyarakat pada masa yang akan datang.

### **3.4 Menimbulkan keperihatinan dan kesukarelaan untuk berjasa kepada masyarakat**

Objektif program gotong-royong adalah untuk memupuk semangat kerja secara berkumpulan di kalangan peserta kursus, memberi khidmat masyarakat kepada penduduk setempat dan membantu pihak kerajaan mengindahkan pusat peranginan di beberapa buah negeri ke arah menjadikannya sebagai tempat perkelahan terbaik untuk seisi keluarga dan para pelancong luar. Oleh itu ternyata PLKN dapat menimbulkan keperihatinan dan kesukarelaan untuk berjasa kepada masyarakat.

Menerusi program komuniti masyarakat pelatih berpeluang melihat bagaimana susahnya hidup di kawasan setinggan dengan melawat ke kawasan tersebut. Selain itu mereka juga dapat melihat keadaan orang tua yang terbiar atau tidak mempunyai anak. Pelatih juga membaik pulih kemudahan awam di kawasan yang memerlukannya. Salah satu aktiviti yang dijalankan oleh wira dan wirawati PLKN ialah lawatan ke FELDA. Mereka dapat mendedahkan diri kepada kehidupan masyarakat luar yang sebelum ini dilihat secara kasar melalui media masa.

Peserta bergotong royong membersihkan masjid, balai raya, tabika, taman permainan dan bangunan sekolah. Aktiviti ini mengeratkan hubungan antara penduduk melalui acara sukan yang diadakan dengan golongan belia. Bagi generasi kedua pula acara bola sepak, bola jaring, dan sukaneka diadakan. Peserta juga dibawa melawat sekitar kawasan ladang kelapa sawit untuk melihat dengan lebih dekat proses memetik buah, jenis buah dan kaedah pelihara kualiti. Peserta mendapat peluang melihat sendiri bagaimana kelapa sawit diproses. Aktiviti perladangan merupakan sumber pendapatan utama peneroka Felda. Aktiviti sampingan iaitu industri kecil yang mengusahakan industri seperti kraf tangan rotan dan penternakan kambing adalah sumber pendapatan tambahan. Aktiviti-aktiviti seperti kraf tangan dicuba oleh peserta PLKN. Oleh itu, ternyata melalui PLKN mereka bukan saja berpeluang berkhidmat kepada masyarakat melalui modul komuniti tetapi juga menimba pelbagai pengalaman.

### **3.5 PLKN pupuk disiplin diri yang tinggi**

Latihan fizikal yang berunsurkan pemupukan disiplin diri dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk memastikan pelatih benar-benar mempunyai disiplin yang tinggi ketika mengikuti program tersebut. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata modul latihan fizikal yang diadakan dalam fasa pertama akan diteruskan pula ke fasa seterusnya iaitu ketika pelatih mengikuti latihan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Fasa pertama yang melibatkan latihan fizikal dan pemupukan nilai-nilai disiplin telah terbukti tidak banyak menimbulkan masalah. Langkah itu katanya, merupakan antara inisiatif yang mungkin diambil dalam menangani masalah disiplin peserta PLKN ekoran berlakunya kejadian pergaduhan kecil di sesetengah kem PLKN.

#### 4.0 Kesan negatif PLKN

Kesan negatif juga terdapat dalam PKN yang mempengaruhi generasi muda dan keberkesanan program. Antaranya :

a) *Makanan*

Utusan Malaysia (29 Februari 2004) melaporkan seramai 80 peserta PLKN dikejarkan ke Hospital Kangar selepas mengalami muntah-muntah dan cirit-birit akibat keracunan makanan di Kem Tasoh, Padang Besar. Ini secara tidak langsung menggambarkan kualiti makanan adalah tidak terjamin. Terdapat pihak pengurusan makanan tidak mengendalikan makanan dengan betul kerana mereka ingin menjimatkan masa. Mereka mencuci makanan dengan tidak mematuhi piawai yang ditentukan. Akhirnya kekotoran, kuman, bakteria kekal berada dalam makanan yang dimakan oleh peserta yang mengalami keracunan makanan.

b) *Tenaga pengajar*

Kebanyakan tenaga pengajar adalah tidak terlatih dan kurang pengalaman, walaupun syarat-syarat yang ketat diperlukan sebelum mereka dipilih menjadi jurulatih. Ini disebabkan program ini baru kali pertama terlaksana di negara ini. Maka terdapat sesetengah jurulatih kurang bertanggungjawab dan mempunyai nilai moral yang rendah yang menjelaskan program ini. Sebagai contoh, di kalangan mereka, terdapat yang merokok dan tidak menghormati golongan lain di universiti tempatan. Ini menjelaskan objektif pelaksanaan program ini iaitu bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.

c) *Individu*

Seseorang individu juga mungkin terdedah kepada bahaya akibat daripada sesetengah golongan yang ingin menganiayai pihak yang lain. Pihak ini mungkin terdiri daripada peserta sendiri, tenaga pengajar dan pihak luar yang mempunyai kepentingan mereka sendiri. Golongan pertama iaitu peserta, ada sesetengah mereka yang mempunyai disiplin yang buruk, akan membuli peserta lain dan memaksa mereka melakukan perbuatan yang mendatangkan kebaikan kepada mereka. Contohnya, mereka memeras ugut dengan mengambil wang pelajar yang lemah dengan menggunakan kekerasan. Selain itu, golongan ini juga suka menimbulkan percaduhan dan melakukan kes jenayah seperti kecurian, membuli, memukul pelajar lain dan sebagainya. Pihak kedua ialah tenaga pengajar itu sendiri, ada berita yang disiarkan pada 29 Jun 2004 yang mana terdapat satu kes rogol yang melibatkan peserta dengan tenaga pengajar itu di Kuala Terengganu. Rencana ini menceritakan bagaimana seseorang peserta berumur 17 tahun dipukul dan dirogol di dalam kereta.

d) *Negara*

Terdapat seramai 85,000 remaja yang berusia 17 tahun, terpilih menyertai program ini, dan mereka diberi RM100 sebulan atau RM300 sepanjang program ini. Di samping itu, peruntukan yang banyak diperlukan untuk membayar gaji tenaga pengajar. Maka kesemua akan membawa kepada pembaziran kerana peruntukan yang banyak itu boleh digunakan untuk pelbagai tujuan yang lain dalam bidang perubatan, pendidikan, mahupun pertanian dan lain-lain. Selain itu, wang juga diperlukan untuk membeli pakaian, menyewa tempat tinggal dan membeli alatan yang digunakan dalam kelas yang melibatkan fizikal atau mental. Pembelian yang begitu mendadak, maka sudah tentu sukar itu membeli alat dengan kuantiti yang begitu banyak. Alat yang lama digunakan kurang memberi kesan kepada proses pembelajaran kita dalam era teknologi dalam globalisasi dunia.

## 5.0 Konsep patriotisme

Isu tentang kesedaran sejarah tanahair dan kepekaan masyarakat tentang nilai dengan penghayatannya melalui semangat patriotik bukanlah suatu perkara yang baru atau menghairankan. Topik ini dipilih untuk dibincangkan hanyalah semata-mata atas beberapa perkara:

1. Untuk tujuan menimbulkan minat dan reaksi masyarakat Malaysia yang majmuk tentang kepentingan semangat patriotisme dan jati diri dalam kehidupan mereka.
2. Untuk menunjukkan betapa pentingnya dan agungnya semangat dan nilai ini yang setanding dengan nilai yang lain ada pada setiap individu.
3. Untuk mananamkan semangat cintakan ilmu di kalangan golongan muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara.
4. Untuk memperjuangkan dengan gigih tentang kepentingan semangat patriotik dalam membina insan atau masyarakat dan negara.
5. Untuk tujuan mempertahankan kedaulatan negara, maruah, martabat, kemerdekaan dan bangsa Malaysia.

Oleh itu kepentingan semangat patriotisme dan jati diri ini memang sangat penting dalam kehidupan manusia. Ilmu sejarah dapat berfungsi bukan saja untuk memberi ikhtibar, pengajaran, semangat dan motivasi, bahkan kekuatan seseorang, golongan, masyarakat, etnik, dan bangsa untuk bangun semula memperbaiki kesilapan dan kemudian mengubah dan membina semula melalui program yang baru. Ini menunjukkan bahawa kekuatan semangat itu terletak pada hakikatnya iaitu untuk menunjukkan kebenaran. Berdasarkan kepada kebenaran inilah yang menjadikan ia sebagai objektif. Apabila kita berbicara tentang jati diri kebangsaan atau *national identity* maka kita sebenarnya bercakap tentang pewujudan suatu *nation* atau sesuatu bangsa. Suatu *nation* adalah suatu komuniti politik. Ia juga berkaitan dengan kewarganegaraan. Yang menumpukan taat setia kita kepada negara.

### 5.1 Memupuk semangat patriotik generasi muda

Menurut M. FakhruRazi Ibrahim (1998), menjelaskan keluh-kesah terhadap permasalahan anak generasi muda ini tidak pernah ada penamatnya. Keluhan untuk generasi muda pernah diungkapkan sejak sebelum merdeka lagi seperti mana yang diungkapkan dalam sebuah puisi oleh seorang penulis iaitu Roha bertajuk "Ke mana ....?" dalam majalah Majlis, 8 Julai 1940 seperti berikut :

Ke mana oh ....bangsaku  
berjalan segak ...menyeluk saku  
ke Hulu ke hilir ....membuat laku  
tetapi harap sesen tak laku.

Sebab apa maka begitu...?  
kerja tak pandai berakal batu  
berpanas berembun menjadi kutu  
di sisi masyarakat menjadi hantu

Pemalas ...sekali lagi pemalas !!!  
kerja sedikit selalu culas  
pergi ke pulau ...batu digalas  
berpenat lelah ....tidak terbalas

mengapa ...oh ....mengapa ?  
Lupakah ....lupa ?  
Hidup kamu sebagai tak berapa  
Rabalah carilah kemajuan hingga berjumpa.

Generasi muda atau golongan belia adalah merupakan aset penting bagi sebuah negara. Dalam masa yang sama selain kesedaran diri di kalangan mereka sendiri. Peranan ibu bapa juga penting dalam usaha membina potensi dan masa depan anak-anak mereka sedaya yang mungkin. Kesibukan yang berterusan sehingga gagal untuk membuka ruang untuk menilai prestasi anak-anak adalah langkah yang akan meruntuhkan masa depan mereka. Demikianlah pesan Sayidina Umar ibn al-Khattab, "Didiklah anak-anak kamu, sesungguhnya mereka dilahirkan untuk zaman yang bukan zaman kamu.". Kata-kata ini merupakan satu manifestasi kesedaran generasi pewaris dengan pendidikan. Belia-remaja perlu dibentuk dan dicorakkan kepada agenda baru. Ia seharusnya diertikan sebagai belia yang kembali memberikan komitmen dan perjuangan melalui nilai keilmuan yang tinggi, mampu menguasai dan mengolahnya dengan baik.

Generasi muda yang bangga menjadi 'Khaira Ummah', kerana ilmunya dan melihat kemajuan dan peradaban bangsa, agama dan negara berdasarkan epitemologi dan aksiologi ilmu. Mereka bersedia menjana diri sendiri sebagai generasi yang berilmu melalui konsep yang disarankan oleh agama Islam. Belia yang berkualiti serapuh buih akan segera lenyap, tetapi belia yang berkualiti unggul dengan semangat jati diri, kehadirannya akan membawa makna dan impak positif, merekalah yang mampu bertahan melintasi segala badai dan taufan sejarah yang melanda. Cita-cita golongan belia-remaja yang sempurna telahpun diungkapkan sejak dahulu lagi di dalam majalah Majlis bertarikh 22 Ogos tahun 1956 dengan tajuk 'Siapakah Pemuda' iaitu seperti berikut :

Tuan bertanya –siapakah pemuda  
Dengar jawabku , wahai budiman  
Pemuda ertinya bunga bangsa  
Benteng negeri semarak watan.

Jika remaja berbudi tinggi  
Lemah-lembut sifat pekertinya  
Itulah dia pemuda sejati  
Pemimpin umat, pembela bangsa.

Jika remaja berhati mulia  
Kemajuan keras, citanya tinggi  
Itulah dia pemuda bangsa  
Harapan kaum, payung negeri.

Jika remaja bersemangat remaja  
Imannya teguh, gagah berani  
Itulah dia pemuda jaya  
Penjaga amanah ibu pertiwi.

Jika remajanya berjiwa mulia  
Perasaan harum hatinya suci  
Itulah dia pemuda utama  
Pembuat jasa penabur bakti.

Semangat dan sokongan untuk golongan belia mempelajari dan menguasai sebanyak mungkin bidang ilmu wajar diberikan perhatian. Generasi belia akan mempunyai daya ketahanan andainya kehidupan mereka diadun dan diolah dengan unsur keilmuan yang tinggi dan beretika. Generasi belia-remaja alaf baru kini perlu membentuk jiwa merdeka dan patriotik iaitu generasi yang kaya dengan cita-cita dan daya usaha. Mereka perlu tahu apa yang harus dikerjakan tanpa kerah tanpa perintah. Mereka perlu sentiasa berusaha ke arah mempertahankan diri mempertahankan tanah air daripada anasir-anasir yang tidak sihat yang dibawa

dari Barat dan dipengaruhi oleh budaya pemikiran yang sempit oleh sesetengah pihak di negara ini. Mereka perlu dide dahkan dan memahami penghayatan ungkapan bermakna oleh Dr . Burhanuddin al Helmi : "Di atas robohan kota Melaka kita dirikan jiwa merdeka".

Belia-remaja perlu kepada orientasi memandang jauh ke hadapan ( forward looking ) sebagai satu ciri generasi berdaya saing yang ingin berjaya mencipta keunggulan di masa depannya. Kepentingan menelaah masa depan seterusnya membuat satu perancangan untuk menghadapinya diperlihatkan oleh Allah SWT dalam al-Quran menerusi kisah Nabi Yusof a.s yang dapat meramalkan masa depan ekonomi negara, lalu menyarankan suatu perancangan strategik ekonomi negara untuk jangka waktu 14 tahun mendatang. Kalau kita tinjau kembali sejarah peradaban silam, ternyata Rasulullah saw amat menekan dan mementingkan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh para belia. Baginda saw juga berjaya melahirkan belia-belia yang berjiwa kental, berani, kreatif dan yang paling penting ialah beriman kepada Allah SWT. Belia tersebut termasuklah Abdullah bin Zubair, Usamah bin Zaid, Abdullah bin Abbas dan Muaz bin Jabal, di mana mereka semua bersedia untuk tampil ke hadapan membangunkan negara melindungi keselamatan dan keharmonian negara.

Baginda s.a.w juga bersabda supaya menggunakan masa-masa dalam 5 perkara berikut yang boleh dijadikan pengajaran kepada kita semua :

Pergunakan masa hidup kamu sebelum masa mati ,  
 Pergunakan masa sihat sebelum kamu sakit ,  
 Pergunakan masa kamu lapang sebelum kamu sibuk ,  
 Pergunakan masa kamu muda sebelum kamu tua ,  
 Pergunakan masa kamu senang sebelum kamu papa".

Untuk menghadapi cabaran-cabaran abad mendatang, generasi belia-remaja kini hendaklah dilahirkan dengan mempunyai strategi watak dan jati diri yang unggul meliputi :

1. Generasi yang mengutamakan nilai pemikiran luhur (keagamaan) dan pemikiran lahir (kreatif) .
2. Generasi serba tahu atau well informed.
3. Generasi yang mempunyai kemampuan bertindak cepat dengan daya analisis yang tajam.
4. Generasi yang mampu meramal perubahan-perubahan yang akan berlaku.
5. Generasi yang sedia belajar terus menerus sepanjang hayat
6. Generasi yang kreatif dan inovatif pemikiran dan tingkah laku
7. Generasi yang berani bertanggungjawab dan menghadapi risiko dengan segala keputusan yang dibuat
8. Generasi yang peka terhadap keadilan sosial, perpaduan nasional.
9. Generasi yang mampu menukar cabaran dan ancaman menjadi peluang
10. Generasi yang berjiwa besar.
11. Generasi yang punya pelbagai kepakaran ilmu dan kemahiran.
12. Generasi yang celik sejarah kenegaraan.

Oleh itu perancangan perlu dibuat dalam rangka mengekalkan survival belia-remaja sebagai generasi beriman, berilmu berakhlik dan bertaqwa dapat dibentuk. Semestinya juga ada usaha penyegaran nilai ilmu di samping memberi pengarahan baru sesuai dengan keperluan zaman alaf baru kini dan yang akan datang, iaitu zaman yang disebut sebagai zaman ledakan ilmu dan teknologi maklumat (ICT). Justeru survival ummah generasi kita akan banyak ditentukan dengan usaha dan kekuatan ilmunya.

## 5.0 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, teras PLKN adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada negara, sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran, rintangan, halangan, fatamorgana, dugaan serta untuk memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara kita Malaysia. PLKN ini dikatakan unik kerana dilaksanakan secara ala Malaysia bagi mencapai keperluan negara. Program ini berbeza dengan pelaksanaan khidmat negara di beberapa negara lain yang bertujuan ketenteraan. Keunikian ini adalah berasaskan kepada faktor-faktor seperti melibatkan semua kaum tanpa mengira jantina, berteraskan Rukun Negara, mempunyai kurikulum multi-disiplin, bukan berbentuk kerahan tenaga atau '*military conscripts*' dan mempunyai imej tersendiri dari segi pakaian seragam, logo dan lagu.

PLKN ini dijalankan adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif seperti membina generasi muda yang bersemangat patriotik dan cinta kepada negara, mengeratkan perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, menimbulkan keprihatinan dan kesukarelaan untuk berjasa kepada masyarakat, melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas serta penuh keyakinan diri dan membentuk perwatakan positif di kalangan generasi muda menerusi penerapan nilai-nilai murni. PLKN ini dilaksanakan secara berkhemah dan berasrama. Program ini juga direka supaya menjadi sesuatu yang menyeronokkan, berfaedah dan menjadi kenangan manis dan pahit sepanjang umur. Tiada aktiviti yang bersifat penderaan. Proses pembelajaran yang menarik minat serta '*experimental learning*' iaitu belajar secara amali dijalankan. Program ini juga mengutamakan semangat muhibah dalam semua aktiviti yang dijalankan selama 3 bulan ini. Hanya remaja yang berjiwa perintis, bersemangat waja serta bercita-cita tinggi mampu menempuh segala cabaran dan dugaan yang ada untuk mencapai kejayaan. Jika benar PLKN dianggap berjaya menerapkan semangat cintakan negara, serta mampu melahirkan generasi muda yang mempunyai semangat patriotik dan jati diri yang tinggi.

## Rujukan

[www.khidmatnegara.gov.my](http://www.khidmatnegara.gov.my)

[www.bernama.com/bernama/v3/bm/news](http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news)

Arahan Dan Peraturan Tetap Untuk Peserta Program Khidmat Negara.

Katalog Maklumat Ringkas Program Khidmat Negara.

Manual Pelatih, Modul Fizikal Latihan Khidmat Negara. Jabatan Khidmat Negara. 2004.

M. Fakhrulrazi Ibrahim .1998. *Patriotisme Di kalangan Belia*. Buletin Biro Tatanegara.Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.

Nazarudin Mohd Jali et.al. 1996. *Kenegaraan Malaysia: Sejarah Awal Kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Roha. 1940. *Sajak : Ke mana ....?* . Majalah Majlis, Keluaran 8 Julai 1940.

\_\_\_\_\_.1956 . *Siapakah Pemuda* . Majalah Majlis, Keluaran 22 Ogos 1956.

Utusan Malaysia .29 Februari 2004.

Harian Metro. 1 April 2004.

